



#### AIST-UPM-KIT Jalankan R&D Biomass



*Dr. Koza Uto bertukar dokumen MoU dengan Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah.*

**SERDANG, 13 Nov** – National Institute of Advanced Industrial Science and Technology, Japan (AIST) dan Kyushu Institute of Technology, Japan (KIT) menjalankan usahasama penyelidikan dan pembangunan (R&D) dalam bidang biomass dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini.

Usahasama tersebut dijemakan dengan satu memorandum persefahaman (MoU) di antara AIST-UPM-KIT yang telah diadakan di Rashid Theatherette, Malaysian Technology Development Corporation Sdn. Bhd (MTDC), UPM.

Majlis MoU tersebut telah ditandatangani oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah sementara AIST diwakili oleh pengarahnya, Dr. Koza Uto dan KIT diwakili oleh presidennya, Dr Teruo Shimomura.

Majlis tersebut telah disaksikan oleh Dekan Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul, Prof. Dr. Mohd Ali Hassan, Prof. Dr. Kinya Sakanishi dari AIST dan Prof. Yoshito Shirai dari KIT selaku ketua penyelidikan dan pembangunan.

Pasukan R&D AIST-UPM-KIT berkenaan diketuai bersama oleh Dr. Kinya, Dekan Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul UPM Profesor Mohd. Ali Hassan dan Professor Yoshito.

Majlis MoU tersebut melibatkan pelancaran projek R & D 'Utilization of Biomass for Biofuels and Biomaterials' serta pelancaran AIST-UPM-KIT Biomass Technology Research Centre di MTDC UPM.

Kerjasama tersebut bakal melengkapkan R&D yang sedia ada dalam projek industri biomass 'waste-to-wealth' terutamanya di dalam bidang bioteknologi untuk dimanfaatkan bersama di Malaysia, Jepun dan negara serantau.

AIST telah mengenalpasti satu bidang yang penting di dalam penggunaan biomass bagi kerjasama R&D dan pasukan penyelidik teknologi jisim itu.

Dr. Nik Mustapha berkata kerjasama itu dapat menyambung semula usaha untuk menambah pengetahuan dan memperbaiki teknologi terkini bagi manfaat nasional.

"Saya sangat berbangga kerana dengan kerjasama ini akhirnya pembangunan teknologi tersebut dapat dijalankan bersama," katanya.

Sejarah hubungan kerjasama akademik dan penyelidikan dalam bidang biomass dan teknologi di antara Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul UPM dan KIT bermula sejak 1992 melalui Japan International Agency (JICA) dan Japan Society for the Promotion of Science (JSPS).

Kerjasama itu mendapat sokongan FELDA Palm Industries Sdn. Bhd. beserta dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan yang terbaru bersama MTDC melalui CRDF (Commercialization of R&D Fund).

Melalui kerjasama tersebut, perhubungan di antara universiti dan organisasi di negara Jepun telah terbina termasuk hubungan di antara The New Energy Development Organization (NEDO), Japan Society for the Promotion of Science (JSPS), The International Centre for Biotechnology (ICBiotech) di Universiti Osaka, Universiti Okayama, Universiti Kyoto dan KIT.

Kerjasama tersebut turut membolehkan UPM menjalankan penyelidikan yang mempunyai kepentingan bersama melalui pertukaran staf mahupun pelajar.

Terdahulu pada tahun 2002, UPM dan KIT telah menandatangani MoU bagi meningkatkan aktiviti penyelidikan yang bertemakan 'Reduction of Greenhouse Gases from the Palm Oil Industry'.

Hasil kajian 'baseline emission of methane from the biogas and biomass' tersebut berjaya menarik perhatian pengkaji di peringkat tempatan mahupun antarabangsa.

Pada majlis MoU tersebut turut diadakan Seminar JSPS Asia Core Program yang bertajuk 'International Collaborative Biomass R&D and Innovation'.

**Disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.**